

Kompleks Bangunan Ibupejabat UMNO \$200 juta

# Lambang keutuhan dan perjuangan UMNO: PM

KUALA LUMPUR, Khamis — Presiden UMNO, Datuk Hussein Onn berkata bahawa Kompleks Bangunan Ibupejabat UMNO berharga \$200 juta akan menjadi lambang keutuhan dan perjuangan UMNO.

Perdana Menteri yang melakukan upacara meletakkan batu asas kompleks itu petang ini, menifikannya sebagai simbol perjuangan UMNO dan perancangan kepada setiap ahli parti.

Upacara tersebut berlangsung dihadapan kira-kira 10,000 orang tamu di tapak kompleks 35 tingkat itu di Jalan Tun Dr. Ismail, di sini.

Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri itu berkata, hasrat untuk mempunyai sebuah bangunan Ibupejabat Parti sendiri, yang besar dan sesuai

merupakan satu cita-cita setia ahli UMNO, khususnya para pemimpin parti.

Katanya lagi, UMNO sebagai sebuah parti politik yang utama di negara ini wajar baginya mempunyai sebuah bangunan yang melambangkan petan dan kedudukannya yang penting di dalam politik negara.

## Menjamin

Datuk Hussein menyatakan, majlis petang ini akan mengingati para tamu di tapak kompleks 35 tingkat itu di Jalan Tun Dr. Ismail, di sini.

Datuk Hussein menyatakan lagi, projek tersebut diawasi oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail dan mereka telah berusaha dengan gigih untuk

dari saya, oleh itu majlis ini adalah satu penghormatan kepada saya sebagai Presiden Parti yang akan mengundur diri, ujarnya.

Katanya lagi, kompleks itu apabila siap kelak, akan menjadi simbol perjuangan UMNO. Ia harus menjadi perangsang kepada setiap ahli UMNO untuk meneruskan perjuangan parti.

Ia harus memberi keyakinan kepada kita bahawa demi kepentingan perjuangan kita, tidak ada pilihan lain bagi kita kecuali menjamin kejayaan dan keutuhan UMNO, tegas Datuk Hussein.

Datuk Hussein menyatakan lagi, projek tersebut diawasi oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail dan mereka telah berusaha dengan gigih untuk

membawa kenyataan kepada cita-cita ini.

"Kepada mereka yang membuat sumbangan terhadap projek ini, najla dan pertiawa meletak batu asas ini adalah satu penghormatan kepada mereka. Ia juga penghormatan istimewa kepada YTM Tengku Anwar, kepada Rahman Putra Ali, dan kepada kementerian kita," ujarnya.

## Sumbangan

Menurutnya, projek itu juga dapat diusahakan dengan sumbangan fikran, titik peluh dan wang ringgit orang-orang Melayu.

"Ini sememangnya menjadi harapan kita, kerana dengan perjuangan UMNO, telah ramai anggota masyarakat Melayu dan Bumiputera yang telah menjadi kaya," katanya.

Tegas beliau lagi,

menjadi tanggungjawab masyarakat Melayu, khususnya mereka yang bernasib baik dan dapat memperbaiki kedudukan ekonomi mereka, untuk membuat sumbangan terhadap UMNO.

Datuk Hussein mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada setiap ahli UMNO dan lain-lain pihak yang membuat segala rupa dan bentuk sumbangan bagi membawa kenyataan kepada kompleks itu.

Katanya, kompleks itu juga akan menjadi sumber pendapatan bagi UMNO dan ia juga merupakan satu sumbangan dalam usaha untuk meningkatkan kedudukan negara ini sebagai tumpuan kunjungan antarabangsa dengan adanya sebuah Dewan yang boleh menampung 6,000 orang.



Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 1000  
No. Pendaftaran 13/86

10,000  
saksikan  
acara  
letak  
batu asas

PRESIDEN UMNO, Datuk Hussein Onn (membengkok) sambil diperhatikan oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Pengerusi Tabung Kompleks Bangunan UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah, bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Nizam Shah melakukan upacara meletak batu asas Kompleks Ibupejabat UMNO Malaysia di Jalan Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur semalam.

Kompleks ternoden 35 tingkat berharga \$200 juta itu akan menjadi lambang kemegahan UMNO dan orang Melayu yang menjadi impian. Lebih 10,000 ahli UMNO dan para jemaah menyaksikan upacara bersejarah itu.

UKA 16

Perletakan batu asas kompleks

# UMNO memasuki era baru dengan acara penuh tradisi

TEPAT Jam 4.55 petang, UMNO Malaysia memasuki era baru apabila Presiden yang keempat, Datuk Hussein Onn melakukan upacara penuh bersejarah dan tradisi perletakan batu asas Kompleks Ibupejabat UMNO berharga \$200 juta di Jalan Tun Dr. Ismail di sini.

Upacara warna warni yang gilang gemilang dilaksanakan lebih 10,000 orang ahli-ahli UMNO dari seluruh negara, memahatkan setiap catatan sejarah perjuangan UMNO dan bangsa Melayu.

## Disambut

Suasana mendung dan keharuan menyelubungi setiap detik sebelum Datuk Hussein yang juga Perdana Menteri Malaysia meletakkan batu asas kompleks Impian yang akan menjulang gagah mencahkar langit pada tahun 1985 nanti.

Sebelumnya upacara dimulakan 'hujan rah-

mat' turun beberapa minit kira-kira jam 3.30 petang lalu sejurus sebelum ketibaan Datuk Hussein.

Hujan tersebut berhenti lima minit sebelum Datuk Hussein dan Datu Suhailah tiba. Datuk Hussein yang bersama isterinya disambut oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Pengerusi Jawatankuasa Kompleks Bangunan UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah, Setiausaha Agung UMNO, Senator Datu Haji Mustafa Jabar dan Irtigin penuh komang, diarak menuju ke astaka khas.

Lapan gadis manis yang membawa strib julung dan 35 orang ahli Wanita dan Pemuda UMNO menaruh bunga rampai sepanjang jalan yang dilalui oleh Datuk Hussein dan Datu Suhailah.

Datuk Hussein yang juga Perdana Menteri diberi sambutan permediasi meriah yang direntangi di jalan hingga ke astaka khas di situ.

Rebana ubi kemudian dipalu — empat buah seligau penuh bunyi mengingati empat orang Presiden UMNO sejak parti itu diasaskan pada tahun 1946 hinggalah ke hari ini.

KUALA LUMPUR, Khamis

Presiden-presiden tersebut ialah Allahyarham Datuk Onn Jafar, bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Hajj, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan Presiden Yang Keempat, Datuk Hussein Onn.

UMNO Malaysia juga memberi penghormatan paling tinggi kepada Presiden parti yang kedua dan bekas Perdana Menteri yang dianggap Bapak Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman merenjis tepung tawar sebak sahaja Datuk Hussein semalam melakukan perletakan batu asas.

## Penghormatan

Berpuh-puluh buah belon dan bom asap dilepaskan sebaik sahaja upacara gilang gemilang diperlukan batu asas itu selesai.

Datuk Hussein Onn sebelum itu menyampaikan ucapannya dan beliau kemudian diringi oleh Timbalan Perdana Menteri, Datu Seri Dr. Mahathir Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah, berama Tunku Abdul Rahman diarak per-

utua ke landas batu asas untuk melakukan upacara tersebut.

Datuk Hussein memulakan upacara perletakan batu asas bang-

unan yang menjadi simbol kemajuan UMNO dan bangsa Melayu itu dengan memasukkan beberapa khazanah yang mempunyai pengertian tersendiri ke dalam lubang batu asas itu.

Antara khazanah tersebut, ialah pelan bangunan Kompleks UMNO, penyata taburan UMNO, sebuah akhbar Jawi bertarikh 25 Jun 1981, akhbar Merdeka, 11 dah rasmi UMNO, wang syiling \$1, 50 sen, 20 sen dan 10 sen dan beberapa khazanah lagi.

Upacara tersebut berlangsung kira-kira lima minit dilaksanakan lebih 10,000 orang yang membajiri kawasan tapak Kompleks Bangunan UMNO itu.

Hendara-bendera UMNO dikibarkan megah di sekeliling kawasan tersebut.

## Berkibar

Bangunan Kompleks UMNO yang berharga antara \$100 hingga \$200 juta itu dijangka siap sepenuhnya pada tahun 1985. Ia dilengkapi dengan peralatan dan kemudahan moden termasuk sebuah Dewan memuat 6,000 orang.

Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Hajj diberi penghormatan menepung tawar batu asas tersebut.

Turut hadir di majlis gilang gemilang itu ialah Menteri-menteri Kabinet, ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, Ketua-ketua Parti Komponen Barisan Nasional, wakil-wakil kedutaan asing dan bahu Allahyarham Tun Dr. Ismail, Toh Puan Norasikin, bahu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hajjah Rahah dan bahu Allahyarham Datuk Onn Dalu Sallimah Hussein.



## Tengku Razaleigh sambut ketibaan Timbalan PM

PENGERUSI Jawatankuasa Kompleks Bangunan UMNO dan Naib Presiden UMNO, Tengku Razaleigh Hamzah menyambut ketibaan Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datu Dr. Siti Asmah di upacara perletakan batu asas bangunan Ibupejabat UMNO di Jalan Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur petang semalam.

Turut menyambut beliau ialah Setiausaha Agung UMNO, Senator Datu Mustafa Sabar (merangkap Menteri), dan Bangunan pencakar langit dan termoden itu adalah lambang kemajuan UMNO hita siap tahun 1985 nanti.

GAMBAR di bawah pula menunjukkan bagaimana artinya perpaduan dalam UMNO yang dibayangkan oleh kedua tokoh yang kini bertarung merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO dalam Perhimpunan Agung UMNO esok.

Walaupun keduanya, Menteri Pelajaran Datuk Musa Hitam dan Iwananya Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, bertarung hebat, tetapi laluan tidak dapat mengahalkan peransan tatat setia pada parti.



# Timbalan Presiden: Putusan diduga jam 6 petang

**KUALA LUMPUR, Khamis**—Slapa di antara Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam akan terpilih sebagai Timbalan Presiden UMNO Malaysia untuk tempoh tiga tahun akan datang akan ditentukan esok.

Keputusan pemilihan bagi jawatan nombor dua itu dijangka dapat diketahui secepat-cepatnya pada jam 6 petang.

Pertandingan kedua orang tokoh itu bagi merebut jawatan tersebut menarik perhatian dan menjadi isu hangat bukan sahaja di kalangan ahli-ahli UMNO, malah seluruh rakyat termasuk pemimpin dunia, khususnya negara-negara anggota ASEAN.

Pengumuman rasmi Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Presiden UMNO Ke 5 akan dibuat selepas upacara perasmian Perhimpunan Agung parti itu pagi esok.

Beliau menang jawatan itu tanpa bertanding setelah dua lagi

tokoh yang turut dicalonkan menarik diri.

Esok juga merupakan hari penentuan bagi lain-lain tokoh yang bertanding bagi merebut tiga kerusi Naib Presiden, 20 Majlis Tertinggi (MT), jawatan Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap.

Seramai 1,240 orang perwakilan akan menentukan nasib calon-calon berkenaan.

Seramai tujuh tokoh bertanding merebut jawatan Naib Presiden iaitu Pengerusi

## Sama layak

Eksekutif Kompleks Kewangan, Encik Abdul Ghafar Baba, Menteri Luar Negeri, Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim, bekas Setiausaha Agung UMNO, Datuk Senu Abdul Rahman, bekas Men-

teri Besar Selangor, Datuk Haji Harun Idris dan seorang tokoh politik veteran dari Perak, Datuk Ismail Majid.

Inilah kali keduanya jawatan Timbalan Presiden UMNO direbut oleh dua tokoh yang dianggap sama layak dan sama ketokohnya.

Sebelum ini jawatan itu pernah direbut oleh dua tokoh Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Dr. Ismail dan Tun Dr. Ismail tewas.

Tengku Razaleigh dan Datuk Musa sekarang sama-sama menduduki kerusi Naib Presiden.

Perhimpunan Agung UMNO itu akan dirasmikan oleh Presidennya merangkap Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn.

Inilah ucapan dasar Datuk Hussein yang terakhir sebelum mengunduri diri memimpin UMNO dan negara.

No.

No.